

PILIHAN BAGI KAEDAH PENYERAHAN TENDER DAN SEBUTHARGA DI TNB JANAMANJUNG SDN. BHD.

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh kerajaan bagi membendung wabak COVID-19, pihak pengurusan TNB Janamanjung Sdn. Bhd. (TNBJ) telah bersetuju mewujudkan pilihan bagi kaedah penyerahan tender dan sebutharga seperti dibawah. Pihak vendor dan kontraktor dibenarkan memilih salah satu kaedah penyerahan tersebut.

Ingin ditegaskan bahawa pilihan bagi kaedah penyerahan tender dan sebutharga ini akan dilaksanakan dalam tempoh 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 sahaja, atau sehingga terdapat pengumuman terbaharu daripada pihak kerajaan.

Pilihan kaedah penyerahan tender dan sebutharga:

- Kaedah 1 : Proses biasa melalui *hand submission* ke dalam kotak tender TNBJ.
Kaedah 2 : Penyerahan melalui emel.

Berikut merupakan prosedur yang perlu dipatuhi oleh pihak vendor dan kontraktor mengikut kaedah yang dipilih:

Kaedah 1 : Proses biasa melalui *hand submission* ke dalam kotak tender TNBJ.

1. TNBJ masih menerima penyerahan tender dan sebutharga secara manual (*hand submission*) ke dalam kotak tender seperti biasa.
2. Walaubagaimanapun, kotak tender telah diubah kedudukan ke *Safety Induction Room* iaitu berhampiran pintu masuk utama TNBJ (Harimau 1).
3. Pihak vendor dan kontraktor tidak lagi perlu untuk ke Bangunan Pentadbiran TNBJ bagi menghantar tender dan sebutharga dalam tempoh ini.
4. Pihak vendor dan kontraktor perlu mendaftar tender dan sebutharga yang dihantar di dalam buku log yang disediakan.
5. Tender dan sebutharga mestilah dimasukkan ke dalam kotak tender sebelum pukul 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender dan sebutharga tersebut.

Kaedah 2 : Penyerahan melalui emel.

1. TNBJ juga telah bersetuju untuk mewujudkan kaedah penyerahan tender dan sebutharga melalui emel terutama bagi pihak vendor dan kontraktor yang beribu pejabat di luar negeri Perak.
2. Sila imbas dan emel **Jadual Harga** (keseluruhan dokumen tender dan sebutharga yang dibeli sahaja) dan **Resit Pembelian Tender dan Sebutharga** ke JmJgTenderOnline@tnb.com.my melalui satu emel sahaja tanpa sebarang pembetulan. Sebarang emel susulan bagi tujuan pembetulan tidak akan dilayan oleh pihak TNBJ.
3. Sila gunakan format penyerahan seperti berikut pada tajuk (*subject*) emel:

Contoh:

Tender **TENDER SUBMISSION_TNBJ/SJM 43/20_25.3.2020**
Sebutharga **QUOTATION SUBMISSION_TNBJ/SJM 16.13.1/4910_25.3.2020**

Nombor Tender
atau Sebutharga

Tarikh tutup
Tender atau
Sebutharga

4. Sila nyatakan dengan jelas perkara berikut dalam emel tersebut:
Nombor Tender / Sebutharga :
Tajuk Tender / Sebutharga :
Tarikh Tutup :
Nama & Alamat Syarikat :
5. Pihak vendor dan kontraktor perlu mematuhi tarikh tutup yang dinyatakan dalam setiap dokumen tender dan sebutharga. Sebarang emel yang diterima selepas pukul 12.00 tengah hari pada tarikh tutup, tidak akan dilayan.
6. Dokumen asal (*original hardcopy*) bagi Jadual Harga dan lampiran yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam borang tender dan sebutharga perlu dihantar secara kurier ke alamat di bawah. Semua dokumen perlu sampai ke TNBJ tidak melebihi dua (2) hari dari tarikh tutup.

**Perolehan & Inventori
TNB Janamanjung Sdn. Bhd.
Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah,
Jalan Semarak Api,
Teluk Rubiah, 32040 Seri Manjung,
Perak Darul Ridzuan.
(Untuk Perhatian : Pn Norasyikin Abdul Sani)**

7. Arahan lain yang termaktub dalam tender dan sebutharga adalah tidak berubah. Pihak vendor dan kontraktor diminta untuk membaca dan mematuhi arahan yang dinyatakan di dalam tender dan sebutharga tersebut.
8. TNBJ tidak bertanggungjawab terhadap sebarang emel yang tidak diterima akibat kegagalan pihak vendor dan kontraktor mematuhi prosedur yang ditetapkan di atas.

"BETTER. BRIGHTER."

Sekian, dimaklumkan



DATUK SHAMSUL BIN AHMAD
Pengarah Urusan
TNB Janamajung Sdn Bhd

**OPTIONS FOR TENDER AND QUOTATION SUBMISSION AT
 TNB JANAMANJUNG SDN. BHD.**

In line with the Government – mandated Movement Control Order (MCO) to contain the COVID-19 outbreak, the management of TNB Janamanjung Sdn. Bhd. has agreed to establish two (2) mode of submission options for tender and quotation submission as below. Vendors and Contractors are allowed to choose one of the options mentioned.

It is important to note that the options for the tender and quotation submission will be implemented from 18th March 2020 to 31st March 2020 only, or until the latest announcement from the government.

Tender and quotation submission methods:

- Option 1 : Normal process through hardcopy (by hand) submission into TNBJ's tender box.
- Option 2 : Softcopy submission through email.

These are the procedures that vendors and contractors need to follow based on the option selected:

Option 1 : Normal process through hardcopy (by hand) into TNBJ's tender box.

1. TNBJ still accepts the tender and quotation submission into TNBJ's tender box as usual.
2. However, the tender box has been relocated to the Safety Induction Room, which is near the TNBJ Main Entrance (Harimau 1).
3. Vendor and Contractors are no longer required to go to TNBJ Administration Building to submit the tenders and quotations during this period.
4. Vendors and Contractors will need to register the tenders and quotations submitted into the log book provided.
5. Tenders and quotations must be inserted into the tender box before 12.00 noon on the closing date of the tender and quotation.

Option 2 : Softcopy submission through email.

1. TNBJ management has agreed to establish tender and quotation submission through email especially for Vendors and Contractors which are headquartered outside Perak.
2. Please scan and email the **Schedule of Price** (entire tender and quotation documents only) and **Payment Receipt of Tender and Quotation Purchased** to ImjgTenderOnline@tnb.com.my via one email only - without any correction. Any follow-up emails for corrective purposes will not be entertained by TNBJ.
3. Please use the following submission format in the subject of the email:

Example:

Tender **TENDER SUBMISSION_TNBJ/SJM 43/20_25.3.2020**

Quotation **QUOTATION SUBMISSION_TNBJ/SJM 16.13.1/4910_25.3.2020**

Tender or
Quotation
Number

Closing date of
Tender or
Quotation


4. Please clearly state the following in the email:
- Tender / Quotation Number :
 - Tender / Quotation Title :
 - Closing Date :
 - Company's Name & Address :
5. Vendors and Contractor must comply with the closing date specified in each tender and quotation documents. Any emails received after 12.00 noon on the closing date will not be entertained.
6. Original hardcopy of the required Schedule of Price and all attachments required during tender and quotations submission must be sent by courier to the address below. All documents must arrive at TNBJ no later than two (2) days from the closing date.

Procurement & Inventory
TNB Janamanjung Sdn. Bhd.
Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah,
Jalan Semarak Api,
Teluk Rubiah, 32040 Seri Manjung,
Perak Darul Ridzuan.
(Attention to : Pn Norasyikin Abdul Sani)

7. Other instructions contained in the tender and quotation remain unchanged. Vendors and Contractors are requested to read and comply with the instructions stated in the tender and quotations.
8. TNBJ shall not be liable for any email submission that was not received as a result of the failure of the Vendors and Contractors to comply with the procedures set forth above.

“BETTER.BRIGHTER”

Yours sincerely,



.....
DATUK SHAMSUL BIN AHMAD
Managing Director
TNB Janamanjung Sdn. Bhd.